

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1996/97**

Oktober/November 1996

**DTM 213/2 - Pengurusan Haiwan &
Tumbuhan Di dalam Eksperimen**

Masa : [2 jam]

Jawab **EMPAT** soalan dalam Bahasa Malaysia.

Bahagian A adalah **Wajib** dan mengandungi **DUA** soalan. Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

Bahagian B. **DUA** soalan mesti dijawab. Tiap-tiap soalan bernilai 30 markah.

Bahagian A (Wajib)

1. a) Baja merupakan bahan pemakanan tumbuhan. Sebutkan jenis-jenis baja dan **lima** faktor penting yang mempengaruhi pemilihan baja yang sesuai untuk sesuatu jenis tanaman.

(15 Markah)

- b) Dengan memberikan satu contoh jenis baja, jelaskan bagaimana ia boleh digunakan untuk membaiki struktur dan komposisi tanah.

(5 Markah)

2. Bincang dan bandingkan data biologi mencit, tikus dan arnab.

(20 Markah)

Bahagian B (Pilih 2 daripada 3 soalan)

3. a) Berikut ialah lima cara tindakan (mode of action) racun terhadap organisma perosak tanaman.

- i) Daya penarik (attractant)
- ii) Racun penghalau (repellant) dan anti pemakanan
- iii) Racun sentuh
- iv) Racun sistematik
- v) Racun perut

Dengan menggunakan satu contoh organsima, terangkan dengan ringkas setiap cara tindakan yang disebut di atas.

- b) Huraikan **lima** ciri racun perosak yang baik dan berkesan.

(30 Markah)

(DTM 213/3)

4. Anda telah diberi tugas untuk membina satu rumah haiwan yang sempurna. Dengan mengambil kira faktor-faktor suhu, kelembapan, hujan, dan haiwan/serangga perosak, bincangkan bagaimana ini boleh dilaksanakan. Senaraikan segala alat yang diperlukan serta berikan justifikasi.

(30 Markah)

5. a) "Pembiakan tampang dikatakan lebih baik dan menguntungkan berbanding dengan pembiakan daripada biji benih. Namun begitu pembiakan daripada biji benih masih memegang peranan penting dan tidak boleh ditinggalkan di dalam pembiakan tanaman". Bincangkan.

(15 Markah)

- b) Tuliskan nota pendek tentang:

- a) kitar estrus dalam mencit
- b) aktoparasit haiwan makmal
- c) teknik eutanasia

(15 Markah)

-ooo0ooo-